

# Sukan

## INFO SUKAN

BOLA baling ialah sukan berpasukan, di mana dua pasukan, yang terdiri daripada tujuh pemain setiap pasukan (enam pemain gelanggang luar dan penjaga gawang) menghantar bola menggunakan tangan mereka dengan tujuan untuk membalingnya ke dalam gawang pasukan lain. Pasukan yang menjaringkan gol yang banyak akan memenangi perlawan tersebut.



ePaper Pelita Brunei

## KEJOHANAN BOLA SEPAK UBD 2021 BERMULA 14 JUN

**Siaran Akhbar dan Infografik : Universiti Brunei Darussalam**

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Sabtu, 12 Jun. - Bahagian Hal Ehwal Pelajar dan Persatuan Mahasiswa / Mahasiswi Universiti Brunei Darussalam (UBD) menganjurkan Kejohanan Bola Sepak UBD 2021 Antara Institusi-institusi Pengajian Tinggi (IPT).

Dengan adanya kejohanan ini akan dapat mengerakkan lagi silaturahim di antara mahasiswa-mahasiswa di IPT dengan pengajian kejohanan dan dapat mengenal pasti pemain-pemain yang berpotensi bagi mewakili pasukan bola sepak IPT dalam kejohanan yang akan datang.

Sebanyak 10 buah pasukan akan menyertai kejohanan ini, terdiri daripada UBD; Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA); Universiti Teknologi Brunei (UTB); Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan (KUPU SB); Politeknik Brunei (PB); Institute of Brunei Technical Education (IBTE); Laksamana College of Business (LCB); International

Graduate Studies College (IGS); Cosmopolitan College (COSMO); dan Micronet International College (MIC).

Kejohanan ini bermula pada 14 Jun hingga 31 Julai 2021, bertempat di Padang 'A', Kompleks Sukan UBD. Pasukan-pasukan akan dibahagikan pada dua kumpulan, iaitu 'A' dan 'B'.

Pasukan kedua teratas akan mara ke pusingan ke separuh akhir, yang akan diadakan pada 24 dan 26 Julai 2021. Manakala peringkat akhir pula akan diadakan pada 31 Julai 2021.

**JADUAL** Kejohanan Bola Sepak UBD 2021 Antara Institusi-Institusi Pengajian Tinggi (kanan).

KEJOHANAN BOLASEPAK UNIVERSITI BRUNEI DARUSSALAM 2021  
Antara Institusi-Institusi Pengajian Tinggi

Game	Date	Day	Time	Group	Home Team			Away Team	Venue
1	14-Jun-21	Monday	4.00 pm	A	IBTE		vs	PB	Field A
2	15-Jun-21	Tuesday	4.00 pm	A	MIC		vs	KUPUSB	Field A
3	16-Jun-21	Wednesday	4.00 pm	B	UNISSA		vs	IGS	Field A
4	19-Jun-21	Saturday	4.00 pm	B	UTB		vs	LCB	Field A
5	21-Jun-21	Monday	4.00 pm	A	COSMO		vs	IBTE	Field A
6	22-Jun-21	Tuesday	4.00 pm	A	PB		vs	KUPUSB	Field A
7	23-Jun-21	Wednesday	4.00 pm	B	UBD		vs	UNISSA	Field A
8	26-Jun-21	Saturday	4.00 pm	B	IGS		vs	LCB	Field A
9	28-Jun-21	Monday	4.00 pm	A	MIC		vs	COSMO	Field A
10	29-Jun-21	Tuesday	4.00 pm	B	UTB		vs	UBD	Field A
11	30-Jun-21	Wednesday	4.00 pm	A	KUPUSB		vs	IBTE	Field A
12	3-Jul-21	Saturday	4.00 pm	B	LCB		vs	UNISSA	Field A
13	5-Jul-21	Monday	4.00 pm	A	PB		vs	MIC	Field A
14	6-Jul-21	Tuesday	4.00 pm	A	KUPUSB		vs	COSMO	Field A
15	7-Jul-21	Wednesday	4.00 pm	B	LCB		vs	UBD	Field A
16	10-Jul-21	Saturday	4.00 pm	B	IGS		vs	UTB	Field A
17	12-Jul-21	Monday	4.00 pm	A	IBTE		vs	MIC	Field A
18	13-Jul-21	Tuesday	4.00 pm	A	COSMO		vs	PB	Field A
19	17-Jul-21	Saturday	4.00 pm	B	UNISSA		vs	UTB	Field A
20	19-Jul-21	Monday	4.00 pm	B	UBD		vs	IGS	Field A

Reference:  
Venue : Field A, UBD Sports Complex



ANTARA aksi menarik pada siri Perlawanan Liga Futsal Brunei 2021 (BFL 2021) yang berlangsung di Dewan Serbaguna, Kompleks Sukan Negara Hassanal Bolkiah, Berakas.

Oleh : Pg. Syi'aruddin Pg. Dauddin  
Foto : Ampuan Haji Mahmud Ampuan Haji Tengah

**BERAKAS**, Sabtu, 12 Jun. - Pasukan Dermaga Daerah Tutong (DDT) berpesta gol setelah mengalahkan pasukan Orang Kurang Pendengaran (OKP) dengan kiraan 14 - 0, pada siri Perlawanan Liga Futsal Brunei 2021 (BFL 2021), yang berlangsung di Dewan Serbaguna, Kompleks Sukan Negara Hassanal Bolkiah, Berakas, di sini.

Gol bagi pasukan DDT dijaringkan oleh Awang Abdul Rahim bin Haji Karim dengan

tiga jaringan, Awang Muhd. Ehsan bin Haji Moksin juga menyumbangkan tiga jaringan, Awang Muhd. Asyraf bin Muhammad dan Awang Muhd. Iqbal bin Muhd. Haryadi, masing-masing dengan dua jaringan, sementara Awang Hasan bin Asnan, Awang Mohd. Nathan bin Kasah, Awang Muhd. Waie bin Musmuliady dan Awang Muhd. Baihaqi bin Bakir, masing-masing menjaringkan sebiji gol pada perlawanan tersebut.

Sebaik wisel separuh masa pertama dimulakan, pasukan DDT berjaya mengawal permainan dengan beberapa siri percubaan, sementara pasukan OKP hampir sahaja mengejutkan pihak lawan dengan beberapa peluang menerusi taktik serangan balas.

Awang Hasan dari pasukan DDT, seterusnya berjaya membolosi gawang lawan seawal minit kelima dengan gol berkenaan dijadikan sebagai titik permulaan pesta gol pada malam berkenaan, diikuti dengan gol yang dijaringkan oleh Awang Abdul Rahim selang lima minit kemudian.

Permainan hebat daripada Awang Abdul Rahim pada malam tersebut, seterusnya menyaksikan beliau menjaringkan gol kedua pada perlawanan berkenaan pada minit ke-13.

Pasukan DDT terus memberikan persembahan permainan yang hebat pada malam berkenaan setelah berjaya menjaringkan tiga gol di minit ke-14, yang dijaringkan oleh Awang Muhd. Ehsan dengan dua gol dan Awang Muhd. Asyraf pada minit gol.

Awang Muhd. Ehsan seterusnya berjaya menjaringkan gol di minit ke-21 untuk melengkapkan hatrik beliau pada malam berkenaan.

Awang Mohd. Nathan, Awang Muhd. Waie, Awang Muhd. Asyraf dan Awang Muhd. Baihaqi, masing-masing menjaringkan sebiji gol pada perlawanan berkenaan, di minit ke-23, 23, 25 dan 27.

Perlawanan berkenaan berkesudahan dengan Awang Muhd. Iqbal menjaringkan dua gol untuk pasukan DDT, pada minit ke-32 dan 34, manakala Awang Abdul Rahim melengkapkan hatrik beliau, pada minit ke-33 menjadikan keputusan berakhir 14 - 0.

Pada perlawanan lain, pasukan Shah United turut berpesta gol setelah menumpaskan pasukan Silveredz dengan jaringan 21 - 1.

BERITA-BERITA HARIAN BOLEH DIIKUTI DI LAMAN SESAWANG : [www.pelitabrunei.gov.bn](http://www.pelitabrunei.gov.bn)

'DERMA DARAH DAN PASTIKAN DUNIA TERUS BERDENYUT'

دربیتکن اوله جابت قراغن، جابت قردان منtri دان دچیق اوله فرینت قلس سندیرین بحد، نگارا برونی دارالسلام

Diterbitkan oleh Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri dan dicetak oleh Print Plus Sdn. Bhd., Negara Brunei Darussalam